

**GARIS PANDUAN DAN PROSES
TERPUTUS BEKALAN ELEKTRIK (SEMASA PEPERIKSAAN AKHIR SEDANG DIJALANKAN)**

Bil	Perkara	Pernyataan	Catatan/Tindakan/ Jangkamasa
1	Terputus bekalan elektrik	1.1 Bekalan elektrik terputus semasa peperiksaan akhir sedang dijalankan 1.2 Misalnya masa bermula peperiksaan akhir pada pukul 9.00 pagi, bekalan elektrik terputus ketika jam 10.00 pagi	
2	Kawasan yang terlibat	2.1 Meliputi keseluruhan kawasan kampus; atau 2.2 Meliputi sebahagian kawasan kampus	
3	Alatan elektrik yang terjejas	3.1 Alatan elektrik yang terjejas hingga mengganggu perjalanan peperiksaan akhir di dewan/bilik peperiksaan meliputi: i. Lampu ii. Hawa dingin	
4	Pengesahan tiada bekalan elektrik	4.1 Pengesahan dibuat oleh pihak JPPHB (secara lisan/bertulis)	
5	Tanggung peperiksaan	5.1 Penangguhan peperiksaan akhir dilaksanakan pada: i. Tarikh yang sama; atau ii. Keesokaannya; atau iii. Tarikh lain yang bersesuaian pada minggu peperiksaan	
6	Proses pelaksanaan	6.1 Urusetia Peperiksaan menerima laporan daripada Petugas Peperiksaan menyatakan bekalan elektrik terputus semasa peperiksaan sedang dijalankan 6.2 Urusetia Peperiksaan membuat pemeriksaan kepada bilik atau dewan peperiksaan yang terlibat. Sekiranya bilik atau dewan peperiksaan tersebut masih sesuai untuk diteruskan peperiksaan, maka dengan persetujuan Petugas Peperiksaan & pelajar, peperiksaan perlu diteruskan. Tempoh peperiksaan perlu ditambah mengikut kesesuaian. 6.3 Sekiranya peperiksaan tidak sesuai untuk diteruskan dan perlu ditangguhkan (bilik terlalu gelap, terlalu panas atau sebab-sebab lain yang munasabah), urusetia peperiksaan perlu membuat laporan kepada Timbalan Pendaftar BHEA 6.4 Timbalan Pendaftar BHEA perlu mendapat pengesahan (secara lisan/bertulis) daripada Pengarah Kerja JPPHB	JPPHB BHEA BHEA BHEA

Bil	Perkara	Pernyataan	Catatan/Tindakan/ Jangkamasa
		<p>6.5 Setelah pengesahan diperoleh daripada Pengarah Kerja JPPH, Timbalan Pendaftar BHEA perlu melaporkan perkara ini kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bagi mendapatkan kelulusan beliau untuk menangguhkan peperiksaan (secara lisan/bertulis)</p> <p>6.6 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) beri kelulusan (secara lisan/bertulis)</p> <p>6.7. Tangguhkan peperiksaan akhir:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. BHEA semak samada kursus yang terlibat adalah kursus umum atau Fakulti. ii. Maklumkan berkenaan penangguhan peperiksaan ini kepada Pusat atau Fakulti yang berkenaan iii. Mohon pensyarah yang berkenaan untuk ambil maklum dan menyediakan soalan peperiksaan set yang terbaharu iv. Maklumkan penangguhan kepada pelajar, ketua pengawas dan pengawas peperiksaan (secara lisan dan pemakluman di portal) <p>6.8 Aturkan jadual peperiksaan terkini:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penjadualan semula akan dilakukan oleh Unit Peperiksaan ii. Jadual baru dimaklumkan kepada pelajar, ketua pengawas dan pengawas (melalui e-community) <p>6.9 Peperiksaan akhir dijalankan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar menduduki peperiksaan akhir berdasarkan jadual peperiksaan yang terkini 	<p>BHEA</p> <p>Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)</p> <p>BHEA</p> <p>BHEA</p>